

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselor)

Surat khabar: Utusan Borneo

Hari/Tarikh: 15/10/2016

Muka surat: 2

Tajuk : Badan Budaya UNIMAS raih tempat ketiga Tarian Sedunia Cheonan

Badan Budaya UNIMAS raih tempat ketiga Tarian Sedunia Cheonan

KOTA SAMARAHAN: Badan Budaya Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) atau dikenali sebagai BAYU merangkul tempat ketiga pada Tarian Sedunia Cheonan di Korea dari 26 September hingga 4 Oktober lepas.

Ia merupakan penyertaan pertama BAYU mewakili Malaysia dalam pertandingan tersebut.

Pengurus kumpulan BAYU Noor Azrul Mohd Ariff berkata dua tarian dipertaruh untuk peringkat separuh akhir iaitu ‘tarian temuk’ (etnik Melanau) dan tarian Alak

Songai Ke Uung (Orang Ulu).

Pertandingan itu disertai lebih 70 negara dan BAYU berjaya menempatkan diri ke peringkat akhir seterusnya memenangi tempat ketiga.

Sehubungan itu, kumpulan tari BAYU mengadakan perjumpaan dengan Naib Canselor UNIMAS, Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi di pejabatnya, semalam.

Kadim meluahkan rasa bangga dengan kejayaan BAYU yang bukan sahaja mengharumkan nama universiti malah juga

Malaysia.

Beliau berkata, kejayaan BAYU di Korea telah menonjolkan nama universiti ini dan negara terutama dalam usaha kerajaan mempromosi industri pelancongan pada mata dunia.

Kumpulan BAYU diwakili 13 pelajar dan 13 pemuzik dan vokal yang juga terdiri dalam kalan-

gan staf UNIMAS. Tempat pertama bagi kategori keseluruhan dimenangi oleh kumpulan tarian dari Turki dan tempat kedua disandang China.



TAHNIAH: BAYU bersama Kadim meraikan kemenangan tempat ketiga sempena Tarian Sedunia Cheonan di Korea.

Disediakan oleh: Brenika Tawi
Bahagian Canselor